



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA
JANUARI 2026**

Terma Perdagangan Malaysia pada Januari 2026 meningkat 0.8 peratus kepada 124.5 mata berbanding bulan sebelum.

PUTRAJAYA, 27 FEBRUARI 2026 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Januari 2026 mencatatkan penurunan 0.2 peratus daripada 153.4 mata pada bulan sebelumnya kepada 153.1 mata. Manakala indeks nilai seunit import juga menurun 1.0 peratus daripada 124.2 mata kepada 123.0 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.8 peratus bulan ke bulan daripada 123.6 mata kepada 124.5 mata pada Januari 2026, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **Indeks Perdagangan Luar Negeri (2010=100), Januari 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport menurun 0.2 peratus pada Januari 2026 disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-2.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.2%) dan minyak galian (-0.2%). Indeks volum eksport turut menurun 3.7 peratus selaras dengan penurunan dalam indeks barang-barang keluaran kilang (-14.0%), bahan kimia (-7.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-4.0%). Sementara itu, indeks volum eksport pelarasan bermusim meningkat 1.0 peratus daripada 177.2 mata kepada 179.0 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport meningkat 1.3 peratus dan 18.1 peratus.

Indeks nilai seunit import juga menurun 1.0 peratus pada Januari 2026, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-5.7%), minyak galian (-5.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.4%). Sementara itu, indeks volum import turut menurun 3.1 peratus pada Januari 2026 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks pelbagai barang keluaran kilang (-17.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-6.0%) dan bahan kimia (-3.6%). Indeks volum import pelarasan bermusim menurun 28.7 peratus daripada 236.9 mata kepada 168.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun


menunjukkan indeks nilai seunit import menurun 3.7 peratus manakala indeks volum import menaik 9.4 peratus.

Terma perdagangan Malaysia meningkat 0.8 peratus bulan ke bulan kepada 124.5 mata pada Januari 2026, didorong oleh kenaikan dalam indeks minyak galian (+5.4%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.0%) dan makanan (+1.6%). Manakala terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.1 peratus daripada 118.4 mata pada Januari tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
27 FEBRUARI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA
JANUARY 2026**

Malaysia's Terms of Trade in January 2026 increased by 0.8 per cent to 124.5 points compared to the previous month.

PUTRAJAYA, FEBRUARY 27, 2026 – Malaysia's export unit value index in January 2026 decreased by 0.2 per cent from 153.4 points in the previous month to 153.1 points. The Import unit value index also decreased by 1.0 per cent from 124.2 points to 123.0 points. Meanwhile, Malaysia's terms of trade increased 0.8 per cent month-on-month from 123.6 points to 124.5 points in January 2026 as reported today in released the **External Trade Indices (2010=100), January 2026**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, the export unit value index declined by 0.2 per cent in January 2026, contributed by a decreased in the index of animals & vegetable oils & fats (-2.8%), machinery & transport equipment (-0.2%) and mineral fuels (-0.2%). The export volume index also decreased by 3.7 per cent in line with the declined in the indices of manufactured goods (-14.0%), chemicals (-7.5%) and machinery & transport equipment (-4.0%). Meanwhile seasonally adjusted export volume index increased by 1.0 per cent from 177.2 points to 179.0 points. Referring to the annual comparison, both the exports unit value index and the volume index expanded by 1.3 per cent and 18.1 per cent respectively.


The import unit value index also declined by 1.0 per cent in January 2026, due to the decreases in the indices of animal & vegetable oils & fats (-5.7%), mineral fuels (-5.3%) and machinery & transport equipment (-0.4%). The import volume index also decreased by 3.1 per cent in January 2026 as compared to the previous month, contributed by the decreased in the index of miscellaneous manufactured articles (-17.3%), machinery & transport equipment (-6.0%) and chemicals (-3.6%). The seasonally adjusted import volume index decreased by 28.7 per cent from 236.9 point to 168.8 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value index declined by 3.7 per cent, while volume index edged up by 9.4 per cent.

Malaysia's terms of trade increased 0.8 per cent month-on-month to 124.5 points in January 2026, driven by the increase in the index of mineral fuels (+5.4%), animal & vegetable oils & fats (+3.0%) and food (+1.6%). Meanwhile, Malaysia terms of trade increased 5.1 per cent year-on-year from 118.4 points in January previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed "Data Nadi Ekonomi Rakyat". The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

Open DOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 FEBRUARY 2026